

Universiti sebagai makmal

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 12-06-2012 A3

KOTA KINABALU: Dengan bil elektrik berjumlah RM1.5 juta sebulan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berharap para pakar di universiti itu dapat mencari inisiatif bagi mengelakkan keadaan itu berterusan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) misalnya, mempunyai ramai tenaga yang pakar dalam bidang tenaga dan tenaga alternatif.

“Kerana itu, saya ingin melihat pakar ini menjadikan UMS sebagai makmal mereka untuk membantu universiti, misalnya dalam hal pengurangan penggunaan tenaga ini.

“Sementara itu, sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Pertanian Lestari (SPL) dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) turut membantu UMS,” katanya.

Menurutnya, sekolah terbabit boleh membantu menjadikan kampus utama dan cawangan sebagai makmal dalam bidang landskap.

“Kalau cara ini dilaksanakan,



KAMARUZAMAN (empat kiri) meluangkan masa melawat pameran diiringi Dekan SKTM, Prof Madya Dr Rosalam Sarbatly (tiga kiri) dan Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said (lima kiri).

kita tidak perlu ambil pakar dari luar sekali gus dapat kurangkan perbelanjaan untuk ambil pakar dari luar,” katanya.

Kamaruzaman berkata, itu adalah cabaran beliau kepada pakar dan kakitangan yang ada di universiti itu.

Di samping itu, beliau turut menyeru sekolah dan jabatan harus membuat perancangan strategik dan

memberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Buku Perancangan Strategik Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), di UMS, kelmarin.

Dalam pada itu, beliau berkata bidang kejuruteraan adalah program bertaraf lima bintang.

Katanya, menurut kajian pegasanan graduan institusi pengajian tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 2010, antara 40.9-94.5 peratus graduan SKTM diambil bekerja selepas tiga bulan menamatkan pengajian.

Tambahnya, kajian susulan pula mendapati peratusan graduan SKTM diambil bekerja selepas enam bulan tamat belajar juga meningkat dari 80

peratus kepada 94.5 peratus.

“Ada juga graduan kita diambil bekerja di firma luar negara seperti di Singapura, Dubai dan Hong Kong,” katanya.

Sementara itu, beliau turut memuji usaha yang diambil SKTM dalam menghasilkan buku perancangan strategik itu.

Katanya, buku perancangan strategik ini memfokuskan kepada perancangan yang ingin dicapai oleh universiti dalam mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

“Saya difahamkan, buku ini telah mengambil kita keperluan tenaga mahir selain menggariskan perancangan dan langkah strategik bertujuan menghasilkan graduan mempunyai kepakaran teknikal dan kemahiran insaniah,” katanya.

Tambahnya, selain Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), program kejuruteraan SKTM perlu mendapat pengiktirafan daripada majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC).

“Penerapan Outcome-Based Education (OBE) adalah salah satu daripada keperluan utama pengiktirafan ini selain proses penambahbaikan berterusan atau Continual Quality Improvement (CQI),” katanya.